



## UMP terima 70 ribu sumbangan zakat Etika bantu ringankan beban pelajar

Dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR), Etika Takaful Berhad menyumbang sebanyak 70 ribu kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam usaha membantu meringankan beban pelajar yang mengalami masalah kewangan sewaktu dalam pengajian di universiti.

Serahan replika cek sumbangan disampaikan Timbalan Presiden, Ketua Cawangan Pantai Timur, Etika Insuran dan Takaful, Tengku Saiffudin Tengku Zainal Abidin kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dalam Majlis Penyerahan Zakat Pelajar UMP dan Berbuka Puasa anjuran Etika Takaful Berhad Cawangan Kuantan.

Menurut Tengku Saiffudin, bantuan kali kedua sebanyak 70 ribu ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha agensi ini dalam menunaikan tanggungjawab membantu pelajar miskin yang sedang melanjutkan pengajian untuk meneruskan pengajian di UMP.

“Pada tahun ini juga, pihak Etika turut membantu mereka yang memerlukan termasuklah pelajar di Pondok Darul Salam di negeri Terengganu, pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) dan Majlis Agama Islam Kelantan,” katanya semasa menyampaikan ucapan di Hotel Megaview

Kuantan pada 18 Julai 2013 yang lalu.

Tambah beliau, sokongan padu ini memberikan peluang Etika menyampaikan sumbangan untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Sementara itu, Profesor Dr. Yuserrie berkata, dengan adanya sumbangan ini pihaknya akan mengenal pasti pelajar yang memerlukan dan layak menerima sumbangan bagi meringankan beban kewangan pelajar terutamanya yang berada di semester akhir pengajian.

“Sumbangan bukan sahaja wang tunai yang diberikan di antara 500 ringgit hingga ke 700 ringgit bergantung kepada latar belakang pelajar, malahan bantuan ini juga meliputi yuran pengajian, komputer, buku, peralatan kesihatan atau perubatan

mengikut keperluan pelajar,” katanya.

Tambah Profesor Dr. Yuserrie, ramai dalam kalangan pelajar yang malu untuk membuat permohonan dan staf di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) akan mengenal pasti pelajar serta menghebahkan maklumat permohonan dalam laman sesawang universiti.

Katanya, UMP turut memanjangkan permohonan dalam kalangan pelajar antarabangsa yang beragama Islam dan setiap permohonan yang diterima begitu ramai sehingga kadang-kadang mencecah 500 pemohon untuk disaring oleh pihak SAFFAD.

Lebih 100 orang hadir memeriahkan program yang disusuli dengan majlis berbuka puasa.

**Bantuan kali kedua sebanyak 70 ribu ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha agensi ini dalam menunaikan tanggungjawab membantu pelajar miskin yang sedang melanjutkan pengajian untuk meneruskan pengajian di UMP.**